KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	HARIAN METRO			
TARIKH	:	08.05.22	MUKA SURAT	:	18
JABATAN	:	PERHILITAN			

Daya harimau sembunyi kesakitan tinggi

Kuala Lumpur: Hetty yang berumur 18 tahun disahkan menghidap barah payudara sejak tahun lalu.

Bagaimanapun, Hetty tidak pernah menunjukkan sebarang tanda yang ia sedang menghidap penyakit kronik.

Akhirnya, minggu lalu, 'perjuangan' Hetty berakhir apabila harimau belang berkenaan yang ditempatkan di Pusat Menyelamat Hidupan Liar Kebangsaan (NWRC) Sungkai, Perak disahkan mati akibat penyakit terbabit.

Pegawai Veterinar Pusat NWRC Dr Siti Suzana Selamat berkata, daya 'survival' yang tinggi pada harimau sama kuat dengan usaha karnivor terbabit 'menyembunyikan' kesakitan dihidapinya termasuk barah payudara.

"Malah, harimau masih berupaya menjalankan rutinnya termasuk memburu walaupun sedang bertarung dengan penyakit kronik," katanya.

Menurut Dr Suzana, berkaitan Hetty, pihaknya mendapati pada mulanya, puting susu harimau itu bengkak dan berdarah.

"Kami menyangka, ia membabitkan jangkitan kuman pada payudara Hetty.

"Hetty diberikan antibiotik dan ubat tahan sakit, namun kesakitannya berpanjangan," katanya.

Menurut Dr Siti Suzana, sampel biopsi dihantar ke Fakulti Perubatan Veterinar, Universiti Putra Malaysia (UPM) sebelum keputusan mengesahkan yang Hetty menghidap barah payu dara.

"Hetty tidak dapat diselamatkan dan mati minggu lalu kerana sel barah sudah merebak ke hati dan paru-paru.

"Harimau berusia lebih 10 tahun berisiko menghidap penyakit kronik termasuk buah pinggang," katanya.

Menurut Dr Siti Suzana, harimau adalah haiwan yang sukar untuk menunjukkan yang ia sedang menghidap penyakit termasuk penyakit kronik.

"Ini kerana harimau tidak menunjukkan sebarang tanda-tanda kesakitan dihidapinya.

"Melainkan keadaan penyakit itu sudah terlalu teruk seperti menunjukkan tanda klinikal seperti bengkak, berdarah atau hilang selera makan, barulah kami tahu yang harimau berkaitan sedang sakit," katanya.

Kata Dr Siti Suzana, beliau sudah merawat 30 harimau sepanjang lima tahun bertugas di NWRC.

Menurut beliau, penjaga haiwan di NWRC diberikan kemahiran asas dalam mengenal pasti enam perkara asas berkenaan dan melaporkan penemuan kepada pegawai veterinar.

Kata Dr Siti Suzana, setiap kali harimau jatuh sakit, pegawai veterinar turut 'sakit kepala' memikirkan cara untuk merawatnya.

"Ini kerana kami tidak boleh berkomunikasi dan memegang harimau tanpa diberi suntikan pelali.

"Namun, keadaan kesihatan harimau yang tidak baik ini, kurang sesuai diberikan suntikan pelali dengan kerap," katanya.





DR Siti Suzana (kiri) merawat harimau belang.

HM 080522_18